

002 Najib nafi wujud ketegangan antara Malaysia-Filipina

UM 1 4 SEP 2002

KUALA LUMPUR 13 Sept. — Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak menafikan wujud ketegangan hubungan antara Malaysia dan Filipina berikutan isu penghantaran pulang pendatang tanpa izin dan dakwaan seorang seorang gadis negara itu dicabul di Pusat Tahanan Sementara (PTS) di Sabah, baru-baru ini.

Beliau menegaskan, keke-ruhan hubungan antara dua negara berkenaan ditimbulkan oleh media asing dan sekumpulan rakyat Filipina yang ekstrem.

Bersepakat

“Kedua-dua kerajaan pada hakikatnya bersepakat bahawa isu-isu ini jangan digembar-gemburkan oleh mana-mana pihak sehingga menjejaskan hubungan baik,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menerima kunjungan hormat Setiausaha Pertahanan Filipina, Angelo T. Reyes di pejabatnya di Wisma Pertahanan di sini, hari ini.

Pada 5 September lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengarahkan pihak berkuasa menjalankan siasatan segera secara menyeluruh mengenai dakwaan seorang anggota polis mencabul gadis Filipina berumur 13 tahun semasa di Pusat Tahanan Sementara (PTS) di Menggatal di Sabah.

Perdana Menteri berkata, tindakan tegas akan diam-

bil terhadap mereka yang bertanggungjawab sekiranya dakwaan itu didapati benar.

Ekoran arahan itu, Polis menghantar pasukan penyiasat khas dari Bukit Aman ke Sabah untuk menyiasat dakwaan mengenai pencabulan tersebut.

Najib seterusnya berkata, Filipina menghargai tindakan tegas yang diambil oleh Malaysia untuk menyiasat dakwaan tersebut.

Dalam pada itu, katanya, Malaysia dan Filipina saling bekerjasama untuk membanteras keganasan di rantau ini terutama di kawasan sempadan di kedua-dua negara.

“Malaysia, Filipina dan Indonesia sebelum ini telah menandatangani perjanjian tiga penjuru untuk menentang sebarang bentuk keganasan,” jelasnya.

Hargai

Filipina juga, katanya, menghargai kerjasama Malaysia untuk menjamin keamanan masyarakat Islam di wilayah Mindanao.

“Filipina menghargai sumbangan Malaysia menghentikan keganasan dan cubaan pemisahan yang dilakukan oleh masyarakat Islam di selatan negara ini,” tegasnya.

Najib memberitahu, Malaysia sedia membantu untuk mencapai keamanan dan pembangunan di selatan Filipina dan di sempadan kedua-dua negara.